

Headline	Kementerian Kewangan lulus penubuhan FRIM Inc.		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	4	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	216 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,606
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,818



## Kementerian Kewangan lulus penubuhan FRIM Inc.

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kewangan telah meluluskan penubuhan Perbadanan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM Inc.) bagi menjadikan ia sebagai perbadanan yang mampu memajukan bidang penyelidikan dan membangunkan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan.

Menurut Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, usaha tersebut adalah sebagai langkah untuk menjadikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia sebagai sebuah badan yang berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

"Dalam masa lima tahun, saya yakin FRIM dapat berdiri dengan sendirinya dan mencari dana tanpa perlu bergantung kepada kerajaan.

"FRIM akan menjadi entiti yang boleh menjana pendapatan melalui produk hutan dan penyelidikan yang dikomersialkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Korban Perdana Kementerian Sumber Asli



WAN Junaidi Tuanku Jaafar (empat dari kanan) mengagihkan daging korban di Masjid Jamek FRIM, Kepong semalam.

dan Alam Sekitar di FRIM, Kepong di sini semalam.

Pada majlis berkenaan, sebanyak 13 ekor lembu dikorbankan dan diagihkan kepada 2,000 kakitangan dan penduduk sekitar.

Dalam pada itu, Pengarah FRIM, Datuk Abd. Latif Mahmood berkata, sebanyak

15 produk herba bakal telah dikomersialkan dengan sasaran keuntungan sebanyak RM150 juta.

"Melalui penubuhan FRIM Inc., kita boleh menjana pendapatan sendiri dan membaiayai lebih banyak penyelidikan dan pembangunan pada masa hadapan," katanya.